

**PERANAN MAJALAH *SULOH MALAYA* DALAM PERJUANGAN
PARTI KEBANGSAAN MELAYU MALAYA
1946 – 1947**

ARBA’AHAZURA BINTI HJ SUPA’AT

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA SASTERA
MOD PENYELIDIKAN**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2014**

ABSTRAK

Tesis ini merupakan kajian tentang Peranan Majalah *Suloh Malaya* Dalam Perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya pada tahun 1946-1947. *Suloh Malaya* merupakan majalah rasmi yang diterbitkan di Kuala Lumpur oleh Parti Kebangsaan Melayu bawah pimpinan Zulkifli Auni. Majalah ini dikendalikan oleh tokoh-tokoh politik PKMM. Kajian dilakukan bertujuan untuk melihat peranan dan sumbangan majalah ini dalam memberikan kesedaran orang Melayu bersatu untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajahan British dan memperjuangkan hak kedaulatan rakyat selaras dengan misi dan visi perjuangan PKMM. Kajian ini menggunakan sumber primer iaitu majalah *Suloh Malaya* sebanyak lapan terbitan sebagai kaedah pentafsiran pemerolehan dapatan. Di samping itu juga penulis menggunakan sumber lain menerusi hasil penulisan penyelidik yang lepas berdasarkan buku-buku sejarah, akhbar, majalah dan skrip wawancara. Bagi memantapkan hasil kajian, penulis menggunakan sumber lisan untuk memperkuuhkan bukti dan kesahihan. Dapatkan kajian membuktikan bahawa majalah ini mampu memberikan kesedaran rakyat untuk bersatu dan bertindak menyokong perjuangan orang Melayu melalui PKMM menerusi kupasan isu politik, sosial dan ekonomi yang dibincangkan. Oleh itu, dapatkan kajian membuktikan *Suloh Malaya* ternyata berkeupayaan mengembangkan sayap perjuangan PKMM serta menggerakkan semangat kebangsaan orang Melayu bersatu untuk menentang penjajahan dan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

THE ROLE OF *SULOH MALAYA* MAGAZINE IN THE STRUGGLE OF MALAY NATIONALIST PARTY 1946 – 1947

ABSTRACT

This thesis is a study of The Role of Suloh Malaya Magazine in the Struggle of Malay Nationalist Party (Parti Kebangsaan Melayu Malaya, PKMM) in 1946 – 1947. Suloh Malaya is the official magazine published in Kuala Lumpur by the Malay Nationalist Party led by Zulkifli Auni. The magazine was run by prominent PKMM political figures. The research conducted to study the role and contribution of this magazine in providing awareness of the Malays in demanding independence of Tanah Melayu from British colonial and the sovereignty of the people in line with the mission and vision of PKMM. This study used primary sources such as eight issues of Suloh Malaya magazine as methods of interpretation of the research findings. In addition, the author also used other resources by past researchers based on history books, newspapers, journals and interview script. In enhancing the outcome of the research, the author used oral sources to support the evidence and the validity of the study. This research proves that the magazine was capable of providing awareness of the people to unite and acted in support of the struggle of the Malaysian PKMM through the analysis of political, social and economic. Therefore, the finding proved the ability of Suloh Malaya magazine in expanding PKMM struggles and mobilizing the national spirit of the Malays against the colonialism and for the independence of Tanah Melayu.

KANDUNGAN

Muka Surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI FOTO	xiv
SENARAI ARTIKEL MAJALAH	xv
SENARAI PETA LOKASI	xv
SENARAI SINGKATAN	

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Objektif Kajian	6
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Batasan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Kajian Lepas	14
1.7 Metodologi Kajian	23
1.7.1 Kajian Kepustakaan	24
1.7.2 Sumber Lisan	25
1.8 Pembahagian Bab	27
1.9 Penutup	29

BAB 2 LATAR BELAKANG *SULOH MALAYA*

2.1 Pendahuluan	31
2.2 Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	34

2.3	Sejarah Penerbitan <i>Suloh Malaya</i>	40
2.4	Prinsip Perjuangan <i>Suloh Malaya</i>	68
2.4.1	Kebebasan Bersuara	68
2.4.2	Kebebasan Berterus-terang	72
2.5	Matlamat <i>Suloh Malaya</i>	77
2.6	Faktor-Faktor Penerbitan <i>Suloh Malaya</i>	81
2.6.1	Kesedaran Berfikir Orang Melayu Untuk Kemerdekaan . .	82
2.6.2	Penyatuan Untuk Bangsa Melayu	84
2.6.3	Pemerintahan Kerajaan Sendiri dan Demokrasi	87
2.6.4	Meluaskan Pengaruh dan Sokongan Rakyat Untuk Menyertai Politik PKMM.	88
2.7	Kesimpulan	90

BAB 3 PERJUANGAN *SULOH MALAYA* DAN ISU-ISU YANG DIPERJUANGKAN

3.1	Pendahuluan	92
3.2	Ideologi, Mesej Dan Pandangan Tokoh Pengarang	94

3.2.1	Ahmad Boestamam	94
3.2.2	Ishak Haji Muhammad	100
3.3	Isu-Isu Penting Yang Diperjuangkan	108
3.3.1	Politik	110
3.3.2	Ekonomi	121
3.3.3	Sosial	123
3.4	Berita Semasa	126
3.4.1	Berita Dalam Negeri	128
3.4.2	Berita Luar Negeri	131
3.5	Kesimpulan	133

BAB 4 PERANAN DAN PENCAPAIAN SULOH MALAYA

4.1	Pendahuluan	136
4.2	Peranan Memperjuangkan Hak Rakyat	137
4.3	Peranan Golongan Yang Memperjuangkan Hak Rakyat	142
4.4	Perjuangan Dalam Hasil Karya	150
4.5	Pencapaian <i>Suloh Malaya</i>	155

4.5.1	Perubahan Pemikiran Rakyat	157
4.5.2	Pertambahan Bilangan Keahlian PKMM	159
4.5.3	Pertambahan Bilangan Cawangan PKMM	162
4.5.4	Pertambahan Sayap Parti Politik PKMM	164
4.6	Kekuatan Hala Tuju dan Pendirian <i>Suloh Malaya</i> Dalam PKMM	168
4.7	Cabar Dan Rintangan Yang Dihadapi Media PKMM	176
4.8	<i>Suloh Malaya</i> Berakhir	181
4.9	Kesimpulan	184
BAB 5 RUMUSAN		186
RUJUKAN		200
LAMPIRAN		209

SENARAI JADUAL

	Jadual	muka surat
1.1	Jadual Bayaran Langganan Majalah <i>Suloh Malaya</i>	53
4.1	Keahlian Parti Kebangsaan Melayu Malaya Tahun 1947	159
4.2	Cawangan Keahlian Parti Kebangsaan Melayu Malaya Tahun 1947	162
4.3	Sayap Parti Politik Parti Kebangsaan Melayu Malaya Tahun 1947	165
4.4	Carta Pie Perbandingan Keahlian Dalam PKMM 1947	167

SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat	
1.1	Surat Rasmi Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada 1Mei 1950.	209
1.2	Buku Perjuangan Kita Sempena Ulang Tahun Setahun PKMM.	210
1.3	Perkembangan PKMM Cawangan Kedah Dalam Majalah Lindungan Bulan.	211
1.4	Majalah <i>Suloh Malaya</i> Bilangan 10,18 Mei 1946.	2

SENARAI FOTO

	Foto	muka surat
2.1	Pusat Percetakan Syarikat Tai Chong Press	213
2.2	Rumah Merdeka Parti Kebangsaan Melayu Malaya	213
2.3	Tuan Haji Ishak Surin (Sahabat Ahmad Boestamam)	214
2.4	Temubual Penulis Bersama Tuan Haji Ishak B.Surin	214
2.5	Temubual Penulis Bersama Mohamed Salleh Lamy	215
2.6	Ishak Haji Muhammad (Pak Sako)	216
2.7	Ahmad Boestamam	216
2.8	Tan Sri Aishah Bt Abd Ghani	217
2.9	Abdullah CD (Che Dat)	217
3.0	Perarakan Sambutan Kongres PKMM Di Melaka	218
3.1	Setiausaha PKMM Negeri Sembilan Dalam Kongres	218

di Melaka.

- | | | |
|-----|--|-----|
| 3.2 | Penubuhan PKMM Rembau, Negeri Sembilan | 219 |
|-----|--|-----|

SENARAI ARTIKEL

Artikel Majalah *Suloh Malaya*



Artikel



muka surat

- | | | |
|-----|---|-----|
| 3.1 | Artikel <i>Kita Tidak Boleh berbalik Pada tahun 1942</i>
oleh Ishak Haji Muhammad. | 220 |
| 3.2 | Artikel <i>Erti Merdeka Seratus Peratus</i> oleh Tan Malaka | 221 |
| 3.3 | Cerpen <i>Saya Hilang Sebentuk Cincin di Naha Hotel</i>
oleh Ishak Haji Muhammad. | 222 |
| 3.4 | Hasil Karya Puisi | 223 |
| 3.5 | Berita Bergambar Majalah <i>Suloh Malaya</i> | 224 |

3.6 Berita Bergambar Majalah <i>Suloh Malaya</i>	225
3.7 Berita Bergambar Majalah <i>Suloh Malaya</i>	226

SENARAI PETA

Peta Lokasi

Peta

muka surat

4.1 Pelan lokasi Kedudukan Syarikat Percetakan Tai Chong Press	226
4.2 Pelan Lokasi Kedudukan Rumah Merdeka Parti Kebangsaan Melayu Malaya	228

SENARAI SINGKATAN / ISTILAH

API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
KMM	Kesatuan Melayu Muda
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
UMNO	<i>United Malaya National Organisation</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Akhbar dan majalah memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan maklumat yang terkini kepada masyarakat. Selain itu ia mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan seharian kita serta mempunyai misi dan objektif tertentu dalam sesuatu yang diperjuangkan. Tesis ini akan memaparkan tentang sejarah penerbitan dan perkembangan *Suloh Malaya* yang mempunyai peranan yang besar sebagai majalah rasmi Parti Kebangsaan Melayu Malaya.¹ Majalah mingguan bergambar ini diterbitkan pada 19 April

¹ Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) merupakan sebuah parti politik yang pertama ditubuhkan dalam kalangan masyarakat Melayu selepas penjajahan Jepun berakhir di Semenanjung Tanah

1946 di Kuala Lumpur di bawah pimpinan Zulkifli Auni.² Majalah ini menjadi suara kepada Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang banyak memuatkan tulisan yang bersifat politik dan juga umum. Ia juga merupakan lidah penyambung kesedaran minda rakyat untuk berjuang ke atas tanah air. Majalah ini juga dikenali sebagai *Malay National Weekly Magazine & Majalah Mingguan Bergambar*. Ketua Pengarang majalah ini ialah Ahmad Boestamam manakala sidang pengarang yang lain adalah Ishak Haji Muhammad, Shamsuddin Salleh, Aishah Abdul Ghani dan Mohd Salleh Daud. Markas penerbitan majalah ini bertempat di No 2, Batu Road, Kuala Lumpur manakala pencetaknya adalah Tai Chong Press, Ampang Street, Kuala Lumpur. *Suloh Malaya* ini berukuran lebar 10.3 inci dan panjangnya 15.9 inci, mempunyai 18 halaman, bertulisan jawi dan berharga 50 sen senaskhah serta diterbitkan pada setiap minggu.³

Penghasilan majalah ini pada awalnya adalah atas usaha dan sebagai penyambung kepada dua akhbar rasmi PKMM iaitu *Suara Rakyat* dan *Pelita Malaya* yang bertujuan untuk menyemarakkan semangat perjuangan kemerdekaan dalam kalangan masyarakat Melayu terhadap kerakusan corak pemerintahan British. Perkembangan akhbar di Tanah Melayu ketika itu telah memberikan kesempatan yang cukup baik kepada orang Melayu

Melayu. Parti ini ditubuhkan di Ipoh pada 17 Oktober 1945. Tujuan PKMM ditubuhkan adalah untuk mencapai kemerdekaan bangsa dan tanah air dengan cara menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia dan mendirikan Republik Melayu sebagai satu anggota daripada Republik Indonesia Raya. Salah seorang daripada pengasas PKMM ialah Ahmad Boestamam. Penubuhannya sebagai satu usaha untuk mengisi kekosongan politik Melayu pada masa itu di samping menjadi satu badan gerakan politik radikal bagi orang Melayu Perak dan Semenanjung. Lihat Mohammed Salleh Lamry, *Gerakan Kiri Melayu Dalam Perjuangan Kemerdekaan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2009, hlm 61.

² Lihat A.M Iskandar Hj Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876 –1968*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973, hlm 56.

³ *ibid*

untuk menyampaikan idea dan bidasan serta kritikan terhadap British⁴ yang telah kembali semula untuk memerintah setelah pihak Jepun berundur. Tambahan pula kepimpinan PKMM memikirkan untuk menerbitkan media cetak alternatif yang menjadi lidah rasmi PKMM. Perkara ini dilakukan bagi menggantikan peranan *Suara Rakyat* yang berpusat di Ipoh, Perak. Justeru itu dua akhbar *Pelita Malaya* dan *Suloh Malaya* diterbitkan.⁵

Tesis ini akan menumpukan penelitian terhadap sejarah penerbitannya dan peranan yang dimainkan oleh majalah ini sebagai salah satu daripada lidah utama dalam perjuangan PKMM. Selain itu, kajian ini turut menumpukan kepada pandangan tokoh-tokoh pengarang yang mencetuskan kesedaran pemikiran ke arah perjuangan orang Melayu serta isu-isu semasa yang ingin disampaikan oleh para pengarang majalah *Suloh Malaya* kepada para pembaca khususnya masyarakat di Tanah Melayu pada ketika itu.

Menerusi tesis ini memaparkan kandungan *Suloh Malaya* banyak memuatkan corak kejayaan Indonesia berjuang mencapai kemerdekaan sebagai satu usaha yang digunakan untuk meningkatkan semangat berjuang memerdekaan Tanah Melayu. Di samping itu, *Suloh Malaya* memberikan ruang yang cukup baik untuk golongan radikal menyampaikan kritikan terhadap penjajah. Malahan juga turut menjadi api kekuatan ke arah pergerakan perjuangan PKMM sehingga tahun 1947.

⁴ _____ *Memoir Abdul Majid Salleh*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 66-68.

⁵ Ishak Saat, *Politik Suara Rakyat*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2013, hlm. 80.

Realitinya, cabaran yang dilalui oleh masyarakat Tanah Melayu semasa pemerintahan pihak British menjadi faktor utama meneruskan perjuangan menuntut hak rakyat dengan cara menyuarakan kesedaran rakyat menerusi penerbitan majalah ini. Secara tidak langsung ia akan menyemarakkan semangat dan membuka minda pemikiran agar memantapkan lagi arus perjuangan menuntut kemerdekaan secara berterus- terang selaras dengan perjuangan PKMM yang memperjuangkan kemerdekaan dan berusaha untuk mengusir penjajah British dari Tanah Melayu seperti yang termaktub dalam Rang Undang-Undang 1946 PKMM yang diluluskan dalam kongres pertama di Ipoh pada 30 November hingga 3 Disember 1945.⁶ Oleh itu, *Suloh Malaya* berperanan penting memperjuangkan kemerdekaan untuk bangsa dan tanah air yang berlandaskan kepada Rang Undang-Undang 1946 PKMM :

- i. Merdeka berpolitik.⁷ Apabila kita merdeka maka apa yang kita mahu ialah politik negara kita bebas mengikut acuan yang kita suka.
- ii. Merdeka ekonomi.⁸ Kita mahu ekonomi negara kita merdeka dari tekanan pihak luar negeri atau penjajahan kapitalis.

⁶ UMNO/SG No.96/1946 – Rang Undang-undang 1946, Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

⁷ Merdeka Politik. Merdeka bermakna bebas daripada perhambaan,kurungan,penjajahan dan sebagainya,berdiri sendiri iaitu tidak terikat dan tidak bergantung kepada sesuatu yang lain.Lepas daripada tuntutan atau tebusan.Malaysia sebuah negara- bangsa (negara dan sebagainya) tidak dijajah,orang yang bukan hamba tebusan dan majalah iaitu majalah yang tidak terikat pada mana-mana parti politik. Lihat Kamus Am Crescent News Kuala Lumpur. Manakala politik membawa erti dan pengertian dengan ilmu pengetahuan berkenaan cara pemerintahan sesebuah negara. Pengetahuan adalah penting bagi setiap rakyat dalam sesebuah negara demokrasi yang melibatkan segala sesuatu berkenaan pemerintahan sesebuah negara atau hubungan dengan negara lain. Lihat Kamus Bahasa Melayu, Adli Haji Yacob dan Khuzaihan Zakaria,Kuala Lumpur: Crescent News.2008.

⁸ Merdeka Ekonomi membawa pengertian kebebasan dalam pengendalian dan pengurusan ilmu mengenai pengeluaran,penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta masalah yang bersangkutan. Jika ianya melibatkan mata pelajaran penting kepada setiap rakyat dalam sesebuah negara.Sistem pengeluaran dan penggunaan perkhidmatan iaitu pembahagian harta, keluaran negara dan sebagainya. Malaysia

- iii. Merdeka beragama.⁹ Kita mahu negara kita bebas melaksanakan hukum dan undang-undang Islam sepenuhnya tanpa dikongkong oleh penjajah.
- iv. Merdeka sosial.¹⁰ Pergaulan hidup tidak terbatas kepada satu-satu kaum sahaja atau kasta yang sangat berbahaya itu.
- v. Merdeka kebudayaan.¹¹ Tiap-tiap bangsa di dalam dunia ini ada kebudayaan masing-masing. Kita mahu bebas memilih kebudayaan yang berfaedah dan tidak bertentangan dengan agama serta bebas pula membuang kebudayaan yang menyesatkan orang Islam.

Lantaran itu, Pihak British menganggap ia sebagai sesuatu yang menggugat kedudukan pihak British dan persaingan pengaruh daripada parti-parti politik yang lain juga merupakan satu daripada dugaan yang terpaksa dihadapi oleh majalah ini.

mengamalkan sistem bebas dan terpimpin di rantau ini dengan keadaan kekayaan negara kita bergantung rapat dengan keadaan politik dan kestabilan negara. Begitu juga dengan hal-hal mengenai pengurusan dan perbelanjaan keluarga. Contohnya pertanian adalah cabang ekonomi yang berkaitan dengan pengeluaran dan pembekalan perkhidmatan hasil pertanian. Lihat Kamus Bahasa Melayu, Adli Haji Yacob dan Khuzaihan, Kuala Lumpur: Crescent News. 2008.

⁹ Merdeka Agama membawa maksud kebebasan dalam kepercayaan kepada tuhan, dewa serta ajaran kebaktian dan kewajipan yang berkaitan dengan kepercayaan itu. Islam, Buddha, kaum- orang-orang yang beragama, memeluk-menjadi orang yang beragama menjalankan, beribadat melakukan segala sesuatu menurut agama. Lihat Kamus Am, Kuala Lumpur, Crescent News ,1995.

¹⁰ Merdeka Sosial bermakna kebebasan dalam hal segala mengenai masyarakat, kemasyarakatan, kedudukan ekonomi dan mereka yang kuat, berkumpulan, perkumpulan yang bersifat atau bertujuan kemasyarakatan (bukan dagang atau politik) . *ibid*

¹¹ Merdeka Kebudayaan membawa pengertian kebebasan tentang fikiran, akal, budi, hasil yang tinggi dan nilainya. Tamaddun peradaban, majalah bahasa dan yang mengenai budaya yang sudah berkembang (beradab, maju) jiwa yang telah berkembang, bahasa yang menjadi pendukung kebudayaan. *ibid*

1.2 Objektif Kajian

Suloh Malaya merupakan wadah penting dalam visinya menyampaikan isu-isu kepada masyarakat pada waktu itu. Peristiwa yang berkaitan dengan perjuangan rakyat yang berlaku di dalam atau luar negeri perlu diketahui oleh rakyat untuk diambil ikhtibar. Oleh itu, penyampaian maklumat yang betul melalui majalah ini adalah sangat penting kerana rakyat akan memperoleh banyak faedah apabila membaca *Suloh Malaya*. Selain daripada mengetahui berita semasa atau perkembangan isu-isu semasa, rakyat akan dapat belajar berfikir dan melahirkan kesedaran menerusi isu-isu yang dibincangkan, dikritik dan diulas oleh pengarang atau pembaca yang berpendidikan.

Antara objektif-objektif yang akan dicapai ialah:

- i. Menghuraikan faktor - faktor yang membawa kepada terbitnya *Suloh Malaya* dalam perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya bagi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.
- ii. Meneliti dan mengkaji isu-isu yang berkaitan politik, ekonomi dan sosial menerusi paparan berita semasa sama ada di luar ataupun di dalam negeri, hasil-hasil karya penulis, dan kritikan-kritikan ketidakpuasan hati terhadap simbolik pemerintahan British sebagai pemberi mesej yang berharga untuk mencanai minda

rakyat bagi memenuhi tuntutan perjuangan kebebasan dan hak mutlak rakyat di Tanah Melayu dapat dicapai.

- iii. Menghuraikan peranan dan sumbangan perjuangan *Suloh Malaya* dalam meraih sokongan kepada perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya.
- iv. Menjelaskan sejauh manakah peranan *Suloh Malaya* sebagai media cetak yang mempertahankan matlamat dalam mendukung perjuangan PKMM mengharungi cabaran dan kemelut perjuangan mereka bagi menyatukan rakyat menuntut kemerdekaan.

1.3 Permasalahan Kajian

Suloh Malaya merupakan medium penyambung kepada perjuangan PKMM yang mengamalkan dasar media berterus terang dalam segala perkara. Permasalahan utama yang dihadapi oleh PKMM adalah untuk menyatukan bangsa Melayu agar bersatu. Lantaran itu media memainkan peranan yang sangat penting sebagai cara untuk menyampaikan mesej dan maklumat itu kepada rakyat. PKMM memerlukan media yang berperanan untuk menyemarakkan semangat perjuangan bangsa Melayu serta keterbukaan minda orang Melayu berfikir terhadap isu-isu yang bergolak pada ketika itu. Oleh itu, secara tidak langsung *Suloh Malaya* yang diterbitkan berperanan penting

sebagai media dalam pergerakan perjuangan Parti Kebangsaan Melayu Malaya antara tahun 1946 sehingga 1947 untuk mencapai objektifnya menyatukan bangsa Melayu.

Permasalahan yang kedua pula ialah PKMM menghadapi masalah untuk memperolehi semangat nasionalisme yang kuat daripada orang Melayu. Ini kerana sebelum ini semangat nasionalisme yang wujud adalah kurang menyeluruh, malahan ada pula yang lebih bersikap kenegerian tanpa wujudnya persepaduan dalam menentang penjajahan. Lantaran itu, *Suloh Malaya* dianggap sebagai salah satu daripada media PKMM yang akan melahirkan semangat nasionalisme orang Melayu agar semakin kuat. Tambahan pula *Suloh Malaya* mempunyai keunikan tertentu dengan memaparkan berita-berita bergambar yang dimuatkan dalam majalah sebagai bukti nyata. Antaranya berita, laporan dan rencana-rencana bergambar dimuatkan dalam majalah ini yang memaparkan isu-isu semasa berkaitan dengan hal-hal politik, sosial, ekonomi, pendidikan, hak kemerdekaan dan demokrasi serta isu-isu semasa yang melibatkan perjuangan rakyat di luar negara menuntut kemerdekaan daripada pihak penjajah. Malahan hasil karya sastera para pengarang yang bercorak perjuangan rakyat menuntut kemerdekaan seperti cerpen dan puisi dikaji dan diinterpretasikan sebagai media yang berbeza dengan keluaran akhbar PKMM yang lain seperti Suara Rakyat dan Pelita Malaya. Maka dengan ini *Suloh Malaya* mampu mengangkat masalah yang dihadapi oleh PKMM dalam usaha untuk melahirkan semangat nasionalisme dan memotivasi bangsa Melayu untuk bergandingan bersatu dalam perjuangan mengusir penjajah bagi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

Realitinya PKMM banyak melalui pelbagai cabaran dan permasalahan yang dihadapi dalam usahanya untuk menanamkan minda benci akan penjajahan asing serta

menjelaskan kepada rakyat tentang erti penjajahan dalam kehidupan. Lantaran itulah penyelidik berusaha untuk mencari jawapan atas permasalahan yang berlaku dengan mengenalpasti setiap permasalahan yang dihadapi oleh PKMM sehingga terbitnya *Suloh Malaya* sebagai media cetak PKMM yang mengamalkan dasar berterus terang dalam segala perkara. Permasalahan ini sangat penting diketahui agar kita sendiri dapat melihat bagaimana barisan pendokong PKMM mencari solusi dalam menangani permasalahan seterusnya iaitu mencari pengaruh yang lebih besar dan sokongan rakyat yang lebih padu untuk menyertai PKMM sebagai sebuah parti politik yang dianggap unggul pada ketika itu.

Permasalahan ini dapat dilihat bagaimana PKMM perlu membuka minda pemikiran rakyat secara berani dan berterus terang dalam usaha menyemarakkan perjuangan rakyat menuntut kemerdekaan. Oleh itu, pelbagai isu dibincangkan dan diperjuangkan malah mesej-mesej yang ingin disampaikan kepada rakyat pada ketika itu diulas secara lebih terbuka. Ia merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial di Tanah Melayu. Malahan juga peristiwa-peristiwa di luar negara turut diulas dan diberikan pandangan oleh para pengarang majalah ini bagi membuka minda pemikiran dan perjuangan rakyat menuntut sebuah kemerdekaan. Lantaran itu, permasalahan sebegini dikupas dan diselongkarkan kebenarannya dengan harapan isu-isu yang dibincangkan di dalam *Suloh Malaya ini* berjaya mempengaruhi kesedaran bagi memperjuangkan hak-hak rakyat di Tanah Melayu selaras dengan perjuangan PKMM. Secara tidak langsung keperihatinan PKMM terhadap isu semasa yang berlaku ketika itu mampu mengangkat hak rakyat yang seharusnya dipelihara dan PKMM mampu menjadi sebuah parti politik yang perihatin memperjuangkan hak rakyat.

1.5 Batasan Kajian

Tumpuan kajian tesis adalah dalam lingkungan masa 1946 sehingga 1947. Pemilihan tahun 1946 adalah berdasarkan bermulanya tahun penerbitan majalah ini. Majalah ini diterbitkan pada tahun 1946 sebagai wadah untuk menyampaikan kritikan dan maklumat kepada rakyat bagi menggantikan akhbar harian Suara Rakyat. Setelah ibu pejabat PKMM yang beroperasi di Ipoh berpindah ke Kuala Lumpur, PKMM merasakan pentingnya majalah ataupun akhbar berperanan sebagai perantara kepada rakyat. Penerbitan *Suloh Malaya* walaupun dalam masa yang singkat sahaja mampu mendapat perhatian kepada para pembaca dan banyak perubahan terhadap perjuangan parti politik PKMM yang dilakukan. Malahan yang lebih menariknya *Suloh Malaya* juga dianggap sebagai majalah mingguan utama penggerak kepada perjuangan PKMM.

Skop batasan kajian dalam lingkungan tahun 1946 sehingga 1947 berjaya menemukan lapan keluaran majalah *Suloh Malaya* milik simpanan Arkib Negara Malaysia yang terletak di Kuala Lumpur. Bukti kekuatan majalah ini disokong dan diperkuuhkan lagi dengan bahan-bahan penulisan berdasarkan catatan pengalaman kehidupan dalam Memoir Abdullah C.D, Memoir Abdul Majid Salleh, Memoir Ahmad Boestamam dan buku-buku sejarah seperti Gerakan Kiri Melayu, Politik Suara Rakyat dan Gerakan Radikalisme di Malaysia (1938-1965).